

## **Idea GMM Najib Ada Potensi Mendapat Sambutan Di Seluruh Dunia**

**Bernama**

**1 Okt, 2013**

**Oleh: Manik Mehta**

NEW YORK, 1 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, yang mengutarakan secara peribadi projek kegemarannya - Global Movement of the Moderates (GMM) atau Pergerakan Kesederhanaan Global - semasa pelbagai urusan yang dihidanginya baru-baru ini di New York, kemungkinan akan berjaya merealisasikan dinamik idea beliau untuk disambut kebanyakan negara di dunia, termasuk satu-satunya kuasa besar, Amerika Syarikat.

Sementara pendapat umum di Amerika Syarikat telah pun dilihat terang-terangan menolak ekstremisme - dan pentadbiran negara ini tidak akan mampu untuk tidak menghiraukan pendapat umum itu - pentadbiran Presiden Barack Obama pernah berbolak-balik dan ada masanya menukar pendirian dalam hal menangani ekstremisme agama ini.

Bagaimanapun idea kesederhanaan dan wassatiah Najib - yang mungkin boleh diterima dunia Barat dan majoriti umat Islam, yang merasakan imej mereka tercemar disebabkan segelintir pelampau yang menggunakan Islam untuk melaksanakan agenda ganas mereka - boleh memberikan apa yang disifatkan sebagai 'jalan tengah' di antara dua kedudukan yang ekstrem.

Menurut sumber, GMM akan berusaha ke arah toleransi, keadilan sosial dan ekonomi selain menggalakkan kesederhanaan.

"Kebanyakan pelampau merupakan elemen sampingan dan tidak mendapat pengaruh universal," kata seorang tetamu Amerika kepada Bernama pada majlis anjuran Council of Foreign Relations, di mana Najib menyampaikan syarahannya mengenai GMM pada 26 Sept.

"Kesederhanaan boleh menjadi suatu keajaiban untuk menyerap penyatuan majoriti manusia yang sederhana sikap mereka dan menolak sebarang bentuk keganasan. Golongan manusia seperti ini akan mendapat dorongan kuat daripada apa yang diusahakan oleh perdana menteri (Najib)," katanya.

Rombongan Najib semasa lawatan ke Amerika Syarikat yang baru sahaja berakhir, juga termasuk sejumlah pakar dari Malaysia yang membantu mempromosi konsep GMM itu. Mereka berada di sini bukan hanya untuk merasakan nadi pertumbuhan-pertumbuhan tempatan - malahan memang terdapat pertumbuhan di Amerika yang mempunyai idea serupa sebagaimana GMM - tetapi juga untuk mengusahakan suatu bentuk kerjasama dengan mereka yang berfikiran serupa.

Dr Azhari Karim, seorang duta bersara Malaysia yang pernah ditugaskan berkhidmat di beberapa negara Eropah termasuk Jerman, Romania dan Sepanyol dan kemudian mengajar di Universiti Sains Malaysia, turut menyertai Yayasan GMM dan melawat New York sebagai sebahagian daripada anggota rombongan Najib.

"Kami sedang cuba untuk mengadakan hubungan dengan Amerika. GMM akan merangkumi mereka yang dengan pelbagai kepercayaan, tetapi matlamat kita ialah untuk berusaha ke arah kesederhanaan dan maka itu akan menggalakkan keharmonian dan persefahaman yang lebih mendalam dalam kalangan manusia dengan pelbagai anutan dan budaya," katanya semasa ditemui di luar acara rasmi lawatan Najib.

GMM akan meneruskan dengan perancangan keduanya, berperanan sebagai perantara antara kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan.

"Kita mahu mengukir peranan global untuk gerakan ini.

Tetapi pada ketika tertentu, kita harus boleh membincangkan dan mencari penyelesaian masalah dan krisis di seluruh dunia.

"Kita mahu menawarkan alternatif kepada pelbagai reaksi yang kita lihat di seluruh dunia," kata Azhari sambil mengimbas apa yang dinyatakan oleh bekas Setiausaha Negara Amerika Hillary Clinton, yang melawat Malaysia selepas menghadiri Sidang Kemuncak Asean dua tahun lalu di Hanoi, mengenai GMM, sebagai 'suatu idea berani'.

Presiden Obama, yang akan ke Malaysia untuk menghadiri Sidang Kemuncak sulung Keusahawanan Global (GES) juga mungkin akan tertarik dengan tema GMM.

GES akan diadakan tahun ini di Kuala Lumpur dan ini merupakan sidang kemuncak yang ketiga berjaya diadakan, yang pertama dan kedua masing-masing dianjurkan di Washington DC dan Dubai.

Menurut beberapa anggota rombongannya di New York, Najib dijangka membincangkan tema GMM ini dengan Presiden Obama semasa kunjungan presiden itu ke Kuala Lumpur.

"Kita akan mewujudkan piagam GMM di Asean dahulu dan kemudian akan memperluaskannya ke negara-negara lain di dunia," kata Azhari.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=982004>